KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

JPNP kesan 59 kes kesalahan berkaitan hutan

BH 08.11.2021 22

Kuantan: Jabatan Perhutanan Pahang (JPNP) melalui Unit Penguat Kuasa (UPK) berjaya mengesan 59 kes membabitkan pelbagai kesalahan berkaitan hutan, sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Kesalahan menceroboh hutan simpan mencatat jumlah tertinggi dengan 45 kes, diikuti memindahkan hasil hutan tanpa permit (lapan), kegiatan melombong secara haram (tiga), membabitkan industri berasaskan kayu (dua) dan kesalahan kawasan lesen (satu).

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad, berkata pencerobohan hutan simpan serta pemindahan hasil hutan tanpa permit terus dilakukan pihak tidak bertanggungjawab, walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan berikutan pandemik COVID-19.

Antaranya, beliau berkata, Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands merekodkan jumlah tertinggi bagi kesalahan menceroboh hutan simpan untuk aktiviti pertanian yang dikesan membabitkan 11 kes.

Katanya, tindakan tegas sudah diambil melalui beberapa operasi musnah yang dilakukan, termasuk dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"PHD Lipis pula merekodkan sembilan kes menceroboh hutan simpan dikesan, termasuk kegiatan melombong emas secara haram.

"Selain itu, PHD Raub (sembilan), PHD Temerloh/Bera (lapan), manakala PHD Bentong, PHD Jerantut dan PHD Kuantan/Pekan/Maran masing-masing merekodkan enam kes dikesan," katanya

Tahun lalu, Nor Azirim berkata, 105 kes kesalahan hutan ditumpaskan di negeri ini.

Katanya, kerjasama masyarakat setempat yang memberi maklumat turut membantu usaha melumpuhkan kegiatan oleh pihak tidak bertanggungjawab itu.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius dan terus komited bagi membanteras kegiatan mencuri balak oleh sindiket yang dikesan menggunakan pelbagai cara dan helah untuk melepaskan diri, termasuk ada yang didapati menggunakan perkhidmatan pemberi maklumat atau tonto.

"Bulan lalu, UPK JPNP Pahang Timur memberkas empat individu disyaki aktif memindahkan balak haram di negeri ini.

"Mereka sudah dihadapkan ke mahkamah dan didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)," katanya.